

Import makanan utama, minuman kembali cergas

24 Oct 09

Sumber: Berita Harian

NILAI import kasar negara merosot 23.9 peratus kepada RM270.4 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama 2009 mencerminkan jumlah dan harga import yang lebih rendah.

Bagi keseluruhan 2009, import dijangka menguncup 18.6 peratus kepada RM424.5 bilion.

Import barangan pengantara dianggar merosot 21.6 peratus kepada RM297.2 bilion, manakala import barangan modal dijangka menyusut 15.0 peratus kepada RM59.4 bilion disebabkan aktiviti pelaburan dalam sektor pembuatan kekal lembap.

Import barangan pengguna dijangka menyusut 7.1 peratus kepada RM30 bilion akibat permintaan domestik yang lebih rendah.

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2009, import barangan pengantara merosot 28.5 peratus kepada RM185 bilion.

Import alat ganti dan aksesori serta bekalan perindustrian menguncup 24.2 dan 27.5 peratus.

Import barangan modal menyusut 11.8 peratus kepada RM41.2 bilion disebabkan pelaburan lebih rendah dalam sektor pembuatan.

Bagaimanapun, import alat kelengkapan pengangkutan untuk kegunaan industri berkembang 10 peratus dipacu import lebih tinggi bagi pesawat udara dan kapal memandangkan syarikat pengangkutan utama menerima penghantaran pesanan kontrak.

Dalam lapan bulan pertama 2009, import barangan penggunaan jatuh 6.3 peratus kepada RM20.3 bilion.

Import makanan dan minuman kembali cergas 23.2 peratus berikutan permintaan mapan bagi kategori makanan utama.

Bagaimanapun, kategori lain dalam kumpulan barangan pengguna termasuk alat kelengkapan pengangkutan untuk kegunaan bukan industri, bahan tahan lama dan bahan separa tahan lama merosot 10.5, 20.3 dan 20.5 peratus.